



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051  
(KPPV)  
Email: pro@dvs.gov.my**



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

#### **BERHUBUNG DENGAN STATUS BEKALAN DAGING RUMINAN LEMBU / KERBAU SEMASA RAMADHAN DAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2017**

#### **STATUS BEKALAN DAGING**

Keperluan daging lembu/kerbau di musim perayaan ini juga mencukupi. Keperluan daging diperolehi daripada dua sumber. Penjualan ternakan tempatan dan ternakan hidup yang diimport untuk penjualan bagi penghasilan daging lembu/kerbau segar dan pengimportan daging lembu/kerbau sejuk beku.

Bagi keperluan daging lembu/kerbau segar, jumlah lembu/kerbau yang berada di kalangan penternak dan bersedia untuk penjualan sepanjang musim perayaan ini adalah sebanyak 74,542 ekor (Jadual 1)

Jadual 1: Bilangan lembu/kerbau (ekor) untuk penjualan di bulan puasa dan perayaan Aidilfitri 2017

Sumber lembu/kerbau	Feb	Mac	Apr	Jumlah
Bilangan lembu/kerbau tempatan	22,058	22,058	22,058	66,174

Bilangan lembu import untuk penyembelihan	1,512	3,730	3,126	8,368
Jumlah	23,570	25,788	25,184	74,542

Di samping itu daging import lembu/kerbau sejuk beku juga menampung keperluan sepanjang musim perayaan. Bagi daging sejukbeku ini, ianya diimport dari loji-loji penyembelihan yang diluluskan di luar negara seperti dari negara India, Australia, Pakistan, USA, Brazil dan New Zealand. Jumlah daging lembu/kerbau yang diimport sepanjang Februari hingga April 2017 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Kuantiti daging (MT) yang diimport bagi daging lembu/kerbau Feb-April 2017

Daging import	Feb	Mac	April	Jumlah
Daging lembu/kerbau import	13,374	12,299	13,393	39,066

Ternakan yang disembelih akan menghasilkan daging segar, manakala daging yang diimport adalah daging sejuk beku. Jumlah bekalan daging sepanjang bulan Februari hingga April 2017 adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Kuantiti daging lembu/kerbau (MT) mengikut sumbernya Feb-April 2017

Sumber daging	Feb	Mac	Apr	Jumlah
Daging lembu/kerbau tempatan	3,408	3,729	3,642	10,779
Daging lembu/kerbau import	13,374	12,299	13,393	39,066
Jumlah	16,782	16,028	17,035	49,845

Harga daging ruminan di musim perayaan ditetapkan dan dikawal oleh KPDNKK. Buat masa sekarang, harga daging lembu/kerbau adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Harga pasaran mengikut jenis daging (RM/kg)

Jenis daging	Mei
Daging segar tempatan	32.00
Daging kerbau sejuk beku import	18.00

Sebagai rumusan, bekalan daging di bulan Ramadhan dan musim perayaan Aidilfitri tahun ini adalah mencukupi.